

# UMP iktiraf kakitangan cemerlang

## Majlis Hari Kualiti dan Inovasi 2017

### Kategori pengiktirafan

- Anugerah Kualiti
- Naib Canselor
- Anugerah Khas
- Perkhidmatan Cemerlang
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat
- Anugerah Sukan
- Hadiah ICT (K-Portal)
- Hadiah Penerbitan
- Hadiah Persekutuan Berkualiti
- Anugerah Kecemerlangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

**Kuantan:** Seramai 166 kakitangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) diraikan pada Majlis Hari Kualiti dan Inovasi 2017 yang dimeriahkan dengan sembilan kategori pengiktirafan.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd Hilmey Mohd Taib, menyempurnakan upacara penyampaian hadiah dan anugerah kepada kakitangan cemerlang pada majlis itu yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, program itu adalah medan pengiktirafan terhadap kecemerlangan warga kerja UMP dalam pelbagai lapangan, sekali gus menyuntik dorongan untuk mereka terus

meningkatkan kualiti perkhidmatan.

"Bakat dibangun bagi menjalankan operasi universiti sama ada dalam kumpulan pengurusan tertinggi, pengurusan, profesional dan pelaksana wajar memiliki ketahanan serta keupayaan untuk memberikan perkhidmatan berkualiti."

### Naikkan semangat

"Penganjuran majlis seperti ini dapat menaikkan semangat kakitangan UMP untuk terus berkhidmat dengan cemerlang," katanya ketika berucap pada program itu.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Mohd Nasir Daing



**Mohd Hilmey (dua dari kiri) menyampaikan pengiktirafan kepada kakitangan UMP yang cemerlang.**

Ibrahim.

Mohd Hilmey berkata, pihak pengurusan UMP memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi merangsang produktiviti dan prestasi

warga kerja universiti itu, antara lain Pay For Performance dalam kerangka pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

"Komitmen ini adalah

respons strategik pihak pengurusan terhadap agenda transformasi perkhidmatan awam yang dihasratkan kerajaan," katanya.